

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(XIII)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB. HENG LEE LEE**

15. Nyatakan matlamat Asia Pacific Masters Games 2018, status terkini, struktur organisasi dan kos perbelanjaan setakat ini.

**YB. CHONG ENG
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

15. Matlamat Asia Pacific Masters Games (APMG) Penang 2018 adalah seperti berikut:
- (i) Meneruskan matlamat Sukan Olimpik dan mempromosikan falsafah piagam Olimpik iaitu “sukan untuk semua”;
 - (ii) Mempromosi dan mengembangkan semangat kesukaran di kalangan ahli-ahli sukan negara;
 - (iii) Mengeratkan jalinan persefahaman dan persahabatan di kalangan ahli-ahli sukan seluruh dunia tanpa mengira usia, jantina, bangsa, agama atau status;
 - (iv) Merangsang ekonomi Pulau Pinang melalui industri pelancongan dengan penganjuran kejohanan sukan antarabangsa ini; dan

- (v) Meletakkan Pulau Pinang dan Malaysia di peta dunia sebagai Destinasi *Sports Tourism*.

Sehingga 18 Julai 2018, seramai 2,762 peserta melibatkan 22 jenis sukan telah mendaftar untuk menyertai Kejohanan APMG 2018. Daripada jumlah penyertaan tersebut, 46.42% atau 1,282 peserta adalah dari Malaysia manakala 53.58% atau 1,480 peserta merupakan peserta luar negara melibatkan 56 buah negara. Sukan-sukan yang masih kurang mendapat sambutan adalah wushu, tarian singa, menembak dan taekwondo.

Struktur organisasi APMG Penang 2018 adalah seperti di **Lampiran A**.

Perbelanjaan untuk penganjuran APMG Penang 2018 sehingga 30 Jun 2018 ialah sebanyak RM1,343,845.49.